




**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 16/2022 dari 17 April hingga 23 April 2022)**

Pada minggu ke-16 tahun 2022, kes demam denggi yang dilaporkan menurun sebanyak 30 kes (3.0%) menjadikan jumlah kes 967 berbanding 997 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu ke-16 tahun 2022. Kumulatif kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 11,921 kes berbanding 8,809 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan 3,112 kes (35.3%), manakala sejumlah enam (6) kematian denggi dilaporkan berbanding lima (5) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C)**. Lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ini meningkat sebanyak lima (5) lokaliti menjadikan sejumlah 43 lokaliti hotspot berbanding 38 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 43 lokaliti tersebut, 40 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di WPKL dan Putrajaya, Perak serta Sabah. **(Lampiran B & D)**.


Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 19 kes pada minggu ke-16 dengan tujuh (7) kes dari WPKL & Putrajaya, enam (6) kes dari Selangor, tiga (3) kes dari Negeri Sembilan, dua (2) kes dari Pulau Pinang dan satu (1) kes dari Perak. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 364 kes **(Lampiran E)**. Bagi surveilans zika, sebanyak 512 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang, lakukan aktiviti cari dan musnah semua tempat potensi pembiakan nyamuk Aedes di kediaman masing-masing. Gerakkan gotong-royong di kawasan kejiranan untuk membuang serta melupuskan barang-barang lusuh di kawasan lorong belakang rumah seperti baldi, bekas-bekas plastik, tong cat, bekas makanan haiwan dan sebagainya. Sebelum meninggalkan rumah sempena cuti perayaan, pastikan kawasan rumah bebas dari bekas-bekas yang boleh menakung air dan seterusnya menjadi tempat nyamuk Aedes membiak. Gunakan bahan repelan untuk mencegah gigitan nyamuk Aedes terutama apabila berada di luar rumah seperti di stesen pengangkutan awam atau di tempat tumpuan awam. Jaga diri, keluarga dan komuniti daripada ancaman demam denggi. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia


**28 April 2022**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-15 dan ke-16 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-16 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-16 tahun 2022

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 16/2022**  
(17 April hingga 23 April 2022)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 16/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 16/2021	
		Minggu 16 (17 April – 23 April 2022)		Minggu 15 (10 April – 16 April 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	7	0	3	0
2	Kedah	28	0	15	0	274	0	122	0
3	P. Pinang	4	0	15	0	139	0	161	0
4	Perak	21	0	21	0	238	0	199	0
5	Selangor	656	0	698	0	8,231	1	4,965	1
6	WP KL & Putrajaya	85	0	99	0	986	0	962	1
7	N. Sembilan	27	0	29	0	356	1	225	1
8	Melaka	2	0	7	0	151	0	309	0
9	Johor	41	0	35	0	424	0	831	1
10	Pahang	9	0	7	0	124	0	202	1
11	Terengganu	8	0	4	0	32	0	17	0
12	Kelantan	8	1	6	0	97	2	90	0
13	Sarawak	6	0	2	0	178	1	155	0
14	Sabah	72	0	57	0	677	1	565	0
15	WP Labuan	0	0	2	0	7	0	3	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>967</b>	<b>1</b>	<b>997</b>	<b>0</b>	<b>11,921</b>	<b>6</b>	<b>8,809</b>	<b>5</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 16/2022  
(17 April hingga 23 April 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 2/5	33	91
2	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 9 Sd 8	34	75
3	SELANGOR	Petaling	E12. Tm PJS 3 Tmn Medan Baru (Teres 5) [Jln Medan 29,30,31,32]	25	68
4	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 9A 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20 )	10	61
5	SELANGOR	Petaling	E13. SS 19/1	20	58
6	SELANGOR	Petaling	E4. Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	24	57
7	SELANGOR	Petaling	E12. Tm PJS 2C Flat Desa Mentari (Blok 9 , 10)	16	55
8	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Pinggiran USJ 1	17	52
9	SELANGOR	Klang	Taman Setia 02	14	51
10	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 23 (Teres A : Jln 23/6 - 23/12)	36	46
11	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4 , 5 , 6)	27	46
12	SELANGOR	Petaling	E12. Tm PJS 2C Apt Medan Cahaya 2 (Blok D , E , F)	10	45
13	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Padang Jawa H : Jln Tegas)*	5	44
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Kajang Prima	14	43
15	PERAK	Kinta	Kg Baru Bercham	6	43
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Makmur Saujana Impian	6	42
17	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pintar 1-5 Taman Universiti	16	40
18	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	14	39
19	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (P/puri Merak & Rumah Pangsa Sri Saujana)	7	39
20	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 7,7/1,7/2 (Semi-D),7/3-7/7 Bandar Tasik Kesuma	9	39
21	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Pkns Bandar Sultan Suleiman 02	7	38
22	SELANGOR	Klang	Seksyen 25 (Teres F : Jln 25/46-25/59, Jln 25/115-25/118B)	22	38

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 03	8	38
24	SELANGOR	Klang	Taman Bayu Perdana 04	6	37
25	WPKL	Lembah Pantai	Appt Delima	12	37
26	SELANGOR	Klang	Apartment Amazing Height	13	36
27	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Pinggiran USJ 3	13	35
28	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Tropika 2	9	35
29	SELANGOR	Klang	Taman Sri Andalas 20	8	35
30	SELANGOR	Klang	Flat Jalan Batu Nilam 34	12	35
31	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Padang Jawa C : Jln Mat Raji (Kiri)*)	31	34
32	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 10 One Damansara Kondo	6	34
33	SELANGOR	Petaling	E15. Bt 13 Kg Sri Aman (Lrg Bestari)	13	34
34	SELANGOR	Klang	Pandamaran Jaya 03	5	34
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	7	33
36	SELANGOR	Kuala Selangor	Seri Pristana (3/1-3/9)	7	33
37	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U6 (Kg Melayu Subang G : Jln Tembusu)	9	32
38	SELANGOR	Petaling	E13. Kolej Vokasional Shah Alam	9	32
39	SABAH	Lahad Datu	Kg Sarip	6	32
40	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Sri Kenari	14	31
41	SELANGOR	Klang	Kampung Rantau Panjang 20	6	31
42	SELANGOR	Klang	Apartment Prima Bayu	8	31
43	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Padang Jawa K : Jln Bilal Wondo, Lorong Haji Borhan, Lorong Tebu)	17	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 16/2022  
(DARI 17 APRIL HINGGA 23 APRIL 2022)**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Kes Chikungunya ME 16/2022</b>	<b>Jumlah Kes Chikungunya ME 16/2021</b>	<b>Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 16/2022</b>	<b>Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 16/2021</b>	<b>Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021</b>
1	Perlis	0	0	0	0	3
2	Kedah	0	12	7	80	140
3	P. Pinang	2	0	8	19	77
4	Perak	1	8	5	123	180
5	Selangor	6	1	79	71	339
6	WP KL & Putrajaya	7	9	173	90	490
7	N. Sembilan	3	0	62	0	22
8	Melaka	0	0	2	15	29
9	Johor	0	0	2	32	97
10	Pahang	0	0	1	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	25	9	55
13	Sarawak	0	0	0	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>19</b>	<b>30</b>	<b>364</b>	<b>439</b>	<b>1,432</b>